

PB SINGAPORE ADVANTAGE-30 EQUITY FUND (PB DANA EKUITI KELEBIHAN-30 SINGAPURA) (PBSGA30EF)

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PBSGA30EF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PBSGA30EF dan penyerahan simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PBSGA30EF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PBSGA30EF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	AmanahRaya Trustees Berhad
Pengedaran dana	Penasihat Skim Amanah Saham Institusi (IUTA), iaitu Public Bank Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Ekuiti	
Objektif dana	Bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam maksimum sehingga 30 saham di pasaran Singapura termasuk saham Singapura yang tersenarai di pasaran lain. <i>Nota: Jangka sederhana hingga panjang merujuk kepada tempoh 3 tahun atau lebih.</i>	
<i>Jika prospek pasaran ekuiti tidak menggalakkan, pendedahan saham atau sekuriti yang setara dengan saham boleh dikurangkan ke paras yang lebih rendah daripada julat yang dinyatakan di atas manakala pendedahan terhadap bon atau bentuk lain hutang disekuritikan, instrumen pasaran wang dan deposit boleh ditingkatkan sebagai strategi defensif sementara.</i>		
Alokasi aset	Saham atau sekuriti yang setara dengan saham	75% hingga 98% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Baki NAB dana boleh dilaburkan dalam bon atau bentuk lain hutang disekuritikan, instrumen pasaran wang dan deposit.	
	Aset asing	Sehingga 98% daripada NAB dana

Apakah yang saya melabur? (samb')

Lokasi aset	<ul style="list-style-type: none"> • Singapura • Mana-mana pasaran asing terpilih lain.
--------------------	---

KESESUAIAN PRODUK**Siapakah yang sesuai untuk dana ini?**

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka sederhana hingga panjang yang boleh bertahan kenaikan dan penurunan pasaran saham dalam mencapai pertumbuhan modal.
-----------------------	--

RISIKO-RISIKO UTAMA**Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?**

Risiko pasaran	Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai akibat penurunan umum dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh keadaan ekonomi, politik dan/atau lain-lain faktor yang akan menyebabkan penurunan dalam NAB dana.
Risiko sekuriti tertentu	Harga sesuatu sekuriti tertentu mungkin berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang memberi kesan kepada syarikat individu. Oleh itu, penggerakan harga yang buruk sesuatu sekuriti tertentu di mana dana melabur boleh menjelaskan NAB dan harga unit dana.
Risiko kecairan	Risiko kecairan merujuk kepada mudahnya untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang didagang di pasaran. Jika dana melabur dalam aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan mengalami kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.
Risiko mata wang	Jika dana melabur dalam aset yang diukur dalam mata wang asing, dana mungkin akan terdedah kepada risiko turun naik mata wang. Jika nilai mata wang di mana pelaburan didenominasi menyusut berbanding dengan mata wang tempatan, NAB dana boleh terjejas begitu juga sebaliknya. Bagi mengurangkan risiko tersebut, dana ini boleh menggunakan strategi perlindungan nilai. Walau bagaimanapun, dana tidak akan mendapat manfaat daripada sebarang potensi peningkatan jika mata wang bergerak ke arah yang bertentangan dengan strategi lindung nilai.
Risiko negara	Pelaburan dana di sesebuah negara mungkin akan terjejas oleh perubahan keadaan ekonomi dan politik, sekatan penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan negara di mana dana melabur. Sebagai contoh, keadaan ekonomi sesebuah negara yang merosot boleh memudaratkan nilai pelaburan dana di negara-negara tersebut. Ini seterusnya boleh menyebabkan NAB dana atau harga unit jatuh.
Risiko penumpuan	Risiko penumpuan timbul apabila pelaburan dana tertumpu kepada bilangan saham yang terhad. Oleh itu, penggerakan berlawanan harga saham yang dilaburkan oleh dana mungkin memberi impak yang lebih besar ke atas nilai dana berbanding dengan dana yang melabur dalam portfolio saham yang lebih besar.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ**Apakah yuran dan caj yang terlibat?**

Caj jualan	Sehingga 5.0% daripada NAB seunit. <i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah.</i>
Caj penebusan	Tiada

PBSGA30EF

Apakah yuran dan caj yang terlibat? (samb')

Caj tukar ganti	Ke Dana Penerima	Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang	Dana Bon / Sukuk	Dana Pasaran Wang
	Tukar ganti keluar/(Keluar)			
Dalam masa 90 hari:				
- Unit beban	Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*
- Unit beban separa	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*
Selepas 90 hari:				
- Unit beban	Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada	Tiada
- Unit beban separa	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*
Nota:				
• Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.				
• Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.				
* Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.				
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
Yuran pengurusan	1.60% setahun daripada NAB.			
Yuran pemegang amanah	0.06% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM600,000 setahun.			

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

PRESTASI PBSGA30EF

Pulangan Tahunan Purata bagi tempoh berikut berakhir 30 Jun 2024

	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	Sejak Permulaan*
PBSGA30EF (%)	1.34	2.75	1.90	4.10	4.98
Indeks penanda aras (%)**	6.98	5.01	2.00	3.47	5.41

Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
PBSGA30EF (%)	11.00	-5.11	17.42	-3.20	7.57	-13.65	17.16	-2.23	9.26	1.34
Indeks penanda aras (%)**	10.85	-9.16	17.83	-2.55	5.95	-21.03	21.12	-7.39	16.08	6.98

Ulasan Prestasi Dana 1 Tahun

PBSGA30EF mencatatkan jumlah pulangan sebanyak +1.34% bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak +6.98% dalam tempoh yang sama.

Nota:

* Angka yang ditunjukkan adalah untuk tempoh sejak permulaan dana (31 Mei 2010).

** Sebelum 30 April 2016, penanda aras dana adalah Indeks Straits Times (STI).

Dari 30 April 2016 hingga 29 April 2021, STI telah digantikan dengan Indeks MSCI Singapore.

Berkuatkuasa dari 30 April 2021, penanda aras dana Indeks MSCI Singapore telah digantikan dengan Indeks S&P Singapore LargeMidCap 10% Capped kerana indeks ini mewakili pelaburan dana dengan lebih baik.

Pengiraan pulangan di atas adalah berasaskan NAB kepada NAB, dan sumbernya diperoleh daripada Lipper.

Pulangan tahunan purata diperoleh dengan membahagikan jumlah pulangan dana dengan bilangan tahun bawah kajian.

Tarikh permulaan ialah hari terakhir tempoh tawaran awal.

PBSGA30EF

Nisbah Pusing Ganti Portfolio (PTR)

	2022	2023	2024
PTR (kali)	0.43	0.55	1.11

PTR dana meningkat daripada 0.43 kali bagi tahun kewangan berakhir 2022 kepada 0.55 kali bagi tahun kewangan berakhir 2023 dan seterusnya meningkat kepada 1.11 kali bagi tahun kewangan berakhir 2024 disebabkan tahap aktiviti pengimbangan semula yang lebih tinggi yang dilaksanakan oleh dana.

Agihan

	2022	2023	2024
Agihan kasar seunit (sen)	0.80	1.00	-
Agihan bersih seunit (sen)	0.80	0.95	-

Agihan adalah dalam bentuk tunai.

PRESTASI DANA PADA MASA LALU TIDAK MENJADI PETUNJUK UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penilaian

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM1,000.
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi Borang Pelabur Baharu atau mendaftar secara dalam talian melalui "New Investor Online Enrolment" di PMO.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum*: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari semasa ke semasa.



Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek

Cek mestilah dibayar kepada:

Pelabur Individu

"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".

Pelabur Korporat

"Public Mutual Berhad - Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".

Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor passport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

Pembelian dan penebusan unit (samb')

Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur individu kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar kepada pejabat cawangan Public Bank Berhad di mana anda membeli unit anda, dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli.
- Kaktangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk berurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Penebusan

- Unit penebusan minimum: 1,000 unit.
- Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad atau Public Bank Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad.
- Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.



ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.



ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

ANDA DILARANG MENGELOUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutnya terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN**Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?**

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Wakil korporat Public Bank Berhad yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 03-2170 8000; atau
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 03-2170 8000 atau Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC):
 - (a) melalui telefon kepada : 03-2276 6969
 - (b) melalui e-mel kepada : info@sidrec.com.my
 - (c) melalui surat kepada : Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)
Level 25, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
 - (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di : 03-6204 8999
 - (b) melalui faks kepada : 03-6204 8991
 - (c) melalui e-mel kepada : aduan@seccom.com.my
 - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.sc.com.my
 - (e) melalui surat kepada : Pejabat Pengguna & Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:
 - (a) melalui telefon kepada : 03-7890 4242
 - (b) melalui e-mel kepada : complaints@fimm.com.my
 - (c) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fimm.com.my
 - (d) melalui surat kepada : Legal & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-01, 6th Floor Wisma Capital A
No. 19, Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 30 September 2025. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.